

Tanam pokok di tasik Terowong SMART

KUALA LUMPUR: Seramai 1000 sukarelawan Projek Pertumbuhan Semula Terowong SMART anjuran Standard Chartered menanam 4,000 pokok daripada 50 spesies di sepanjang tasik Terowong SMART sebagai pusat perlindungan burung, terutama burung migrasi.

Ketua Kumpulan Pegawai Informasi Standard Chartered, Jan Verplancke, berkata projek itu sebagai tanggungjawab sosial bank berkenaan terhadap pemuliharaan alam sekitar dan usaha hijau yang mendapat kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA).

“Projek itu bagi memulihara hidupan liar dengan membina persekitaran yang membolehkan hidupan itu menjalani kehidupan bersama habitat semula jadi yang semakin diancam kepupusan.

“Selain itu, tapak tanaman ini juga turut dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan mengenai tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar yang dikendalikan oleh YAWA.

“Lebih membanggakan, pelaksanaan projek ini sekali gus menyempurnakan misi kami untuk menanam 6,000 pokok di seluruh negara bagi menyeimbangkan kualiti udara dan sebelum ini 2,000 pokok ditanam di Bagan Lalang untuk tujuan itu,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian Go Green-The Smart Way, di sini, semalam.

Majlis ini disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Raja Nong Chik berkata, pihaknya menasaskan 30,000 pokok ditanam untuk tahun ini sebagai langkah menghijaukan kawasan bandar dan sehingga kini, sudah 26,000 pokok yang berjaya ditanam.